



Meskipun namaku Merdeka, tetapi aku tidak pernah merdeka. Aku terkurung dalam kehidupan tradisi yang memenjara hidupku.

Aku merdeka, tetapi terpenjara.

Aku masih ingat ketika mula-mula masuk sekolah darjah satu. Guru memanggil namaku, "Siapa Merdeka?" Aku pantas mengangkat tangan dan menyahut, 'Saya!' Ketika itu seluruh kelas ketawa. Aku tahu namaku itu tidak seperti nama-nama yang lain seperti Ahmad, Sulaiman, Faridah, Hamidah, Kamsiah, Omar dan banyak lagi. Aku juga berasa pelik dengan nama yang diberikan oleh bapaku itu. Rupa-rupanya aku lahir pada 31 Ogos 1957. Mungkin bapaku terlalu patriotik atau sebagai jalan mudah untuk menamakan diriku yang tiba-tiba hadir ketika orang sibuk menyambut merdeka.

Kini umurku sudah 57 tahun. Bermakna sudah 57 tahun aku merdeka. Tapi padaku aku tidak pernah merdeka. Aku tidak pernah merasai nikmat merdeka. Kalau 'merdeka' bermakna 'kebebasan', sebenarnya aku juga tidak pernah merasai 'bebas' itu. Aku tidak bebas seperti anak-anak lain. Sehingga aku dewasa aku tidak pernah merasai nikmat kebebasan yang sebenarnya.

Siapa yang bertanggungjawab menjajah diriku itu?

Sudah tentulah ibu bapaku sendiri. Mereka tidak pernah memberikan kemerdekaan sepenuhnya kepadaku. Mereka mengongkong kehidupanku sejak kecil sehinggalah dewasa. Meskipun kini ibu bapaku sudah tiada, tinggal aku menentukan hidup sendiri, tetapi mereka telah mengunci hidupku dengan tradisi yang dipaksakan kepadaku sejak aku kecil lagi. Hingga bila aku dewasa aku terpaksa membawa semua doktrin hidup yang dibebankan di bahu. Beban itu seperti telah terpatri kejam di bahu kehidupanku yang terpaksa ku bawa ke mana-mana jua. Apakah aku salah memberi tafsiran terhadap makna sebenar kemerdekaan itu?

Ketika aku sudah mula bersekolah, aku sudah merasai bahawa aku akan terus didoktrinkan menjadi apa saja yang ibu bapaku suka. Ada rotan dan ugutan di tangam mereka. Engkau mesti belajar. Orang yang belajar saja akan dapat membebaskan diri daripada kebalan. Sebenarnya kebalan dan kebodohanlah penjajah yang sebenarnya. Bukan mereka yang datang ke negara kita, yang memberikan sekolah, yang memberikan jalan raya, yang memberikan kita pekerjaan.

"Kamu mesti belajar

bahasa Inggeris!"

Itulah kata putus mereka terhadap masa depanku. Bagi mereka bahasa Inggeris adalah bahasa kemajuan. Bahasa Inggeris adalah bahasa pekerjaan. Bahasa Inggeris adalah bahasa intelektual.

Entah kenapa aku begitu membenci bahasa Inggeris. Setelah enam tahun belajar di sekolah Melayu, kemudian beralih kepada bahasa pengantar Inggeris di sekolah Inggeris, aku berasa bagai dijajah kembali.

Bermula daripada kegagalanku semasa di sekolah menengah aku terus diburu oleh kegagalan demi kegagalan dalam hidup. Begitulah biarpun aku merdeka, tetapi pada hakikatnya aku tidak pernah merdeka.

Ayah dan ibuku sendiri tidak peduli sama ada aku berjaya atau tidak dalam hidup ini. Bagi mereka tugas mereka telah selesai selepas saja memberikan nama padaku, iaitu Merdeka. Bagi mereka dengan nama itu aku boleh berdikari. Aku boleh hidup sendiri dengan baki pendidikan penjajah yang masih diamalkan di negara ini.

Ketika itu baru aku memahami bahawa biar namaku Merdeka, jika diri tidak diisi dengan ilmu di dada kita akan terus dijajah. Barulah aku memahami mengapa bapaku menamakan diriku Merdeka.

Aku hanya diterima bertugas

sebagai tentera. Ketika dite-

muduga, aku terus diterima setelah lulus juga sesi pemeriksaan kesihatan dan kecergasan. Tentang namaku itu juga sebenarnya memberi keberuntungan juga kepadaku. Pegawai penemuduga amat berminat dengan namaku. Mereka menyatakan tugas tentera memang tugas orang sepertiku, iaitu orang yang namanya Merdeka. Tentera akan bertugas memastikan negara sentiasa merdeka daripada penjajah. Penjajah telah pergi jadi sesuai lah Merdeka mempertahankan negara ini.

"Merdeka!" pekik mereka kuat.

Aku juga spontan menyahut, "Merdeka!" lebih lantang.

Entah kenapa ketika dalam latihan lagi aku berasa kemerdekaan itu tidak ada makna langsung. Aku berasa tidak merdeka juga. Aku dijajah dengan pelbagai peraturan tentera yang ketat. Didera dengan pelbagai latihan yang begitu menguji fikiran dan semangatku. Berlari dengan memikul beban beg di belakang dengan membawa senjata beberapa kilometer. Mengharung hutan, sungai, gunung dan lembah. Semuanya menuntut semangat merdeka yang begitu mencabar. Rupanya

kemerdekaan bukan sesuatu yang begitu mudah seperti nama yang tertera dalam kad pengenalan.

Sehinggalah tamat latihan dan bertugas di kem di seluruh negara, aku adalah wajah merdeka yang berada di medan hadapan, tetapi terluka dalam kehidupan. Semasa berada dalam perut lori tentera melihat ke luar lebuh raya ketika dihantar untuk bertugas di mana aku sering membisikkan pada diri, "Aku adalah kemerdekaan yang sentiasa siap dengan senjata untuk berperang entah dengan siapa?"

Hinggalah aku berumah tangga dan mempunyai sejumlah anak merdeka, sehinggalah aku bersara aku belum pernah mencapai makna merdeka sepenuhnya. Rupanya aku terpaksa bekerja lebih keras untuk menjaga rumah tanggaku, menyara anak-anaku, membesarkan mereka, menyekolahkan mereka.

Sudah berkali-kali juga aku turut serta dalam perbarisan menyambut Hari Kebangsaan atau Hari Kemerdekaan, tetapi aku tetap seorang tentera yang sentiasa berada di bawah



arahan ketua. Ketika bersara daripada tentera aku terus bekerja sebagai pegawai keselamatan di sebuah pasar raya.

Begitulah mahalnya harga sebuah kemerdekaan. Hanya pada nama tetapi aku tidak pernah merasai nikmat merdeka itu. Aku hanya seorang tentera pada mulanya, aku hanya seorang pegawai penjaga di sebuah pusat beli-belah atau pasar raya pada akhirnya.

Di pusat beli-belah inilah aku melihat gelagat anak-anak merdeka yang lebih banyak membuang masa dengan bersidai sepanjang masa. Mereka sanggup datang pagi-pagi lagi, lebih-lebih lagi pada hujung minggu hinggap dari satu pintu kedai ke pintu kedai lain dan akhirnya berdecai di kaki lima dan tempat terbuka hanya untuk memerhatikan orang yang datang dan pergi.

Aku sering memerhatikan gelagat mereka mengusik anak gadis yang juga datang hanya untuk memperagakan diri. Kebanyakan mereka akhirnya akan masuk ke dalam kumpulan itu dan akan berakhir ke mana saja. Sudah tentu mereka akan mencari hiburan yang sesuai untuk bercanda. Akhirnya wajah mereka menghisai media perdana dengan pelbagai masalah sosial yang melanda negara yang sudah merdeka ini.

Inilah makna merdeka bagi mereka.

Aku si Merdeka ini hanya mampu bermimpi. Aku hanya seorang jaga yang tidak punya kuasa ke atas pasar raya ini.


Jika aku mati pun kerana mempertahankan keselamatan pasar raya ini, aku hanya akan dikenang sebagai orang baik yang sanggup berkorban demi orang lain.

Lebih malang lagi aku gagal mendidik anak-anakku. Mereka terus membebaskan diri daripada kongkongan, si bapa Merdeka yang tidak punya kuasa meskipun sebagai seorang bapa. Satu-satu mereka dewasa dan satu-satu mereka mempersoal kemampuan diriku. Bagi mereka aku bagai sebuah negara kaya, tetapi tidak mempunyai harta. Aku bagai pemimpin negara, tetapi tidak mempunyai kuasa.

Satu-satu mereka pergi meninggalkan kehidupan di rumah Merdeka yang tidak menjanjikan masa hadapan. Mereka memilih jalan sendiri. Mereka semakin sinis dan kritis terhadap diriku yang bertanggungjawab melahirkan mereka ke dunia. Bagi mereka sebuah kemerdekaan sebenar bukan hanya pada nama, tetapi sewajarnya dapat direalisasikan dalam bentuk kekayaan dan kekuasaan.

"Ayah miskin fikiran!" kata mereka menuduh.

"Anakku! Memang benar, pada nama saja ayah Merdeka, tetapi sebenarnya kita masih terjajah. Ayah miskin fikiran, tetapi kamu terjajah fikiran. Meski penjajah telah lama pergi, tetapi mereka datang kembali dalam bentuk globalisasi dan kamu semua hanyut di dalamnya."



PROFIL

Shapiai Mohd Ramly

☉ Dilahirkan Gunung Semanggol, Perak, pada 26 Ogos 1950 dan menetap di Johor sejak 1971.

☉ Lulusan ijazah sarjana Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

☉ Pernah memenangi Hadiah Ketiga Peraduan Mengarang Cerpen Esso-GAPENA (1983), Hadiah Kedua Peraduan Mengarang Cerpen Esso - GAPENA ke-V1 dan Hadiah Sagu Hati Peraduan Mengarang cerpen Esso-GAPENA ke-V11 dan V111. Turut terbabit dalam genre puisi dan buku.



Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen bermutu dan bermoral ke halaman Sanggar Kreatif, Kembara, BH Ahad melalui e-mel **bhsastera@nstp.com.my**. Pengirim wajib menyertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 110 barisan.



SAMBUT MERDEKA

Sambut merdeka dengan ceria
tunjukkan kita warga setia.

Sambut merdeka penuh semangat
kibarkan Jalur Gemilang
perlu diingat.

Sambut merdeka ber-
sama keluarga
sambil berhibur adat dijaga.

Sambut merdeka beramai-ramai
cintakan negara perlu disemai.

Sambut merdeka berbaju baru
harga pengorbanan
pemimpin dulu.

Sambut merdeka pergi ke pekan
baru bersemangat kita rayakan.

Sambut merdeka bersama tekad
majukan negara ting-
gikan martabat.

Sambut merdeka kibarkan bendera
pupuk semangat cintakan negara.

Sambut merdeka ber-
sama pemimpin
kukuhkan perpaduan mesra dijalin.

Selamat menyambut Hari Merdeka
hari bersejarah penuh makna.

PENA MUTIARA,
Taman Keramat Permai (AU1)

TERIMA KASIH, MERDEKA

Terima kasih untuk segala
memberi makna sebuah hidup
mengusung hayati
di tanah sejagat.

Engkau memberi
nilai dan erti
menghirup bebas
dengan udara maruah
di mana tumpahnya darah.

Engkau mengajar
di mana berdiri

daulat bangsa di negeri sendiri.

Bukan dengan hanya meminta
tetapi memberi
dengan segala rela.

MARSLI NO
Balok Maju, Kuantan,

MERDEKA KITA

Merdeka yang kita rasa
terucap pada kata-kata
jika ditanya pada jiwa
mungkin lain jawabnya.

Kita laung merdeka
kuat dan bertenaga
tapi jika ditanya pada jiwa
mungkin tidak senada.

Kita kata merdeka
macam kita cinta negara
jika ditanya pada jiwa
sanggupkah berkorban untuknya.

Kita memang merdeka
tapi hanya pada kata-kata
sedang jiwa dan minda
masih terjajah.

MAZNAH MD YUNUS
Lading Pasir Logok, Kota Tinggi

TANAH TUMPAH DARAHKU

Menanti ketibaanmu
hari demi hari
saat demi saat
dengan seribu senyuman.

Titisan darah
yang penuh perjuangan
menjadi kenyataan
menjadi kejayaan.

Kerana engkau
kini dan selamanya
aku gembira
aku bebas
aku berilmu
menandingi dunia
mencabar dunia
dengan ...
senjata MERDEKA
dan
peluru PERPADUAN.

Aku, engkau, mereka dan lain lain
menjadi KAMI
di bawah slogan
SATU MALAYSIA.

Dulu hari ini dan esok
aku tetap di sini
negara yang indah
maju dan
makmur
tanah tumpah darahku

Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!

**OTHAYAKUMARAN
KANDASAMY**
IPG Kampus Sultan Abdul Halim